



ANWAR Ibrahim menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Bersama Warga Kementerian Kewangan di Putrajaya. semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Penyasaran subsidi diesel bantu golongan berhak - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, penyasaran subsidi diesel semalam adalah keputusan langkah ketiga terbesar selepas pelarasan tarif elektrik dan pengapungan harga ayam sehingga mampu menyelamatkan kira-kira RM10 bilion wang negara.

Beliau berkata, jumlah itu boleh disalurkan untuk keperluan rakyat seperti menampung pengangkutan awam dan sebahagiannya untuk menambah suntikan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang mana skim ini mencecah RM10 bilion.

"Skim SARA (Sumbangan Asas Rahmah) pula dinaikkan dari RM300 ke RM700, bayangkan STR untuk 9 juta orang yang dapat terus bantuan tunai subsidi yang berjumlah RM10 bilion.

"Wang itu bukan untuk naikan elaun menteri ataupun kepentingan lain, saya tumpukan hal ini (bantuan rakyat), penyasaran subsidi itu untuk pastikan subsidi tidak diberi kepada orang mahakaya," katanya ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan Bersama Warga Kementerian Kewangan di sini semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut menjelaskan, kerajaan tidak membuat keputusan terburu-buru dalam penyasaran subsidi diesel semalam selepas

menanggukkan beberapa bulan untuk membuat persiapan rapi bagi memastikan golongan sasar lain tidak terjejas dan terus menerima subsidi.

Beliau berkata, hampir 30,000 kumpulan rakyat masih menerima manfaat seperti golongan nelayan, pengangkutan awam, pekebun kecil termasuk pekebun sayur di Cameron Highlands kerana tidak mahu dijadikan alasan untuk menaikkan harga.

"Kita teliti dan dalam jemaah menteri pun hampir setiap minggu mendapat liputan dan perkembangan untuk pastikan pelaksanaan itu berkesan.

"Dasar itu memang baik, semua perdana menteri dari dulu setuju mesti ada penyasaran sub-

sidi malah ini dibincang semasa saya jadi Menteri Kewangan dulu, lebih 25 tahun sudah dibicarakan perlu ada penyasaran subsidi.

"Tetapi tidak berupaya dilakukan kerana tidak mudah, selalunya pimpinan politik fikir juga kesan negatif, kalau tarik subsidi atau naikan cukai memang membebankan dari segi pandangan politik.

"Namun dalam pertimbangan kita, saya beritahu rakan jemaah menteri, kita kena buat keputusan baik iaitu sementara kita harus bantu rakyat majoriti, kita tidak harus beri subsidi kepada golongan mahakaya, industri-industri besar dan orang asing," katanya.